



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



BM 

 (/) » BERITA (/BERITA) » Pengarah syarikat arkitek landskap Verona Design Sdn. Bhd raih Master dengan PNGK 3.98

Senarai Berita (/berita)

Pengarah syarikat arkitek landskap Verona Design Sdn. Bhd raih Master dengan PNGK 3.98

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Noor Azreen Awang

Entiti Kami

LIHAT JUG



Universiti Pu
43400 UPM :
Selangor Dai

+603-9

+603-9

@ pspk@u



Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

SERDANG, 28 Nov – Ketekunan serta kegigihan Pengasas dan Pengarah syarikat Verona Design Sdn. Bhd, LAr. Wan Salamatul Juita Wan Hashim, 40, menuntut ilmu membuahkan hasil kejayaan apabila berjaya meraih Master dengan PNGK, 3.98.

Ibu kepada dua orang anak ini menerima Master Pengurusan Landskap Lestari pada Majlis Konvokesyen UPM ke-46 sesi tiga di sini hari ini, yang telah disampaikan oleh Pro Canselor UPM, Academician Emeritus Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Juita berkata sebagai seorang pengarah syarikat beliau perlu memiliki ilmu yang lebih mendalam dalam dunia arkitek landskap untuk dikongsikan dengan pelanggannya.

"Saya merasakan keperluan untuk saya belajar lebih banyak dalam bidang ini dan ilmu yang saya pelajari ini saya aplikasikan dalam syarikat serta berkongsi pada orang lain juga.

"Sememangnya saya tertekan ketika pandemik COVID-19 melanda Malaysia kerana saya perlu memastikan syarikat saya sentiasa stabil ditambah dengan keadaan ekonomi ketika itu yang kurang baik.

"Peranan saya sangat besar ketika itu dan saya perlu bekerja dari rumah berikutan perintah kawalan pergerakan, perlu menghadiri kelas secara maya dan menguruskan keluarga membuatkan saya memang hampir berputus asa," katanya.

Sokongan daripada kawan-kawan yang kerap menyokong beliau menjadi kata azimat buat Juita agar tidak mengalah begitu sahaja.

Anak kelahiran England ini turut meluahkan rasa gembira dan berpuas hati apabila berjaya menamatkan pengajian selama setahun.

"Pesanan saya, manfaatkan ilmu yang kita ada dan berkongsi lah pada orang ramai kerana ilmu adalah untuk semua, bukan kita sendiri sahaja. Bantu bangsa dengan ilmu," katanya. -UPM

Tarikh Input: 28/11/2022 | Kemaskini: 28/11/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpengarah_syarikat_arkitek_landskap_verona_design_sdn_bhd_raih_master_dengan_pngk_398-70201&title=Pengarah%20Syarikat%20Arkitek%20Landskap%20Verona%20Design%20Sdn.%20Bhd%20Raih%20Master%20Dengan%20PNGK%203.98%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

([/#facebook](#)) ([/#twitter](#)) ([/#linkedin](#)) ([/#email](#)) ([/#copy_link](#)) ([/#wordpress](#)) ([/#print](#))

HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra
Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul
Ehsan
MALAYSIA

+603-9769
1000



spk@upm.edu.my

**TALIAN
KECEMASAN**
BAHAGIAN
KESELAMATAN
UPM (24
JAM)
03-9769 7990
| 03-9769
7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/splin/>)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
KM Portal
(<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)
Keluarga Malaysia
(<https://keluargamalaysia.gov.my/>)
Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my/>)
Multimedia Super Corridor
(<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/>)
Agensi Kelayakan Malaysia
(<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)
Takwim UPM 2023
(https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222122346LAMPIRAN_1_TAKWIM_MAJLIS_RASMI_UPM_2023.pdf)

Dasar Privasi (footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS ([/rss](http://rss)) Penafian (footnote/penafian-29938)
Bantuan (footnote/bantuan-29937) UPM online (footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

© 2023 Universiti Putra Malaysia

